

DATE: 2/12/2009

Pastikan institusi itu diteruskan, tingkatkan kesedaran berhubung programnya

Tun Abdullah nafi BTN rasis

Um - 12/12/2009

Oleh NORILA DAUD
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 11 Dis. – Tun Abdullah Ahmad Badawi menafikan program Biro Tata Negara (BTN) yang dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri untuk kakitangan awam dan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) bersifat perkauman.

Menurut bekas Perdana Menteri itu, beliau telah terlibat dalam BTN sejak zaman Tun Abdul Razak dengan banyak perkara berkaitan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan peranan pelajar ditekankan.

Pada zaman Tun Dr. Mahathir Mohamad pula katanya, program berkaitan Wawasan 2020 pula ditekankan dengan penerangan diberikan kepada Melayu dan kaum bukan Melayu.

“Jika ada individu yang bersifat perkauman, itu saya tak tahu,” katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Kerja Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) 2010 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang IKIM 2008 di

◡ Dalam program BTN, semua tajuk ceramah dan penceramah boleh diperolehi dalam buku kecil yang disediakan

– **TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI**
Bekas Perdana Menteri

sini hari ini.

Isu BTN timbul apabila kerajaan Selangor yang diterajui PKR, DAP dan Pas melarang kakitangan kerajaan negeri dan pelajar IPT milik kerajaan negeri daripada menghadiri kursus anjuran BTN.

Mereka mendakwa kursus yang diberikan bersifat perkauman dan cuba mempengaruhi peserta menyokong Barisan Nasional (BN).

Abdullah menambah, dalam program BTN, semua tajuk ceramah dan penceramah boleh diperolehi dalam buku kecil yang disediakan.

Penceramah pula katanya, terdiri daripada pensyarah IPT dan pega-

wai-pegawai kerajaan daripada Kementerian tertentu.

Pada satu ketika katanya, bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga bertanggungjawab menjaga BTN.

Tambahnya, perkara itu tidak perlu diruihkan sebaliknya memastikan institusi tersebut dapat diteruskan dengan niat baik dan murni di samping meningkatkan kesedaran berhubung programnya.

Dalam pada itu Abdullah menyambut baik rombakan kurikulum BTN yang dicadangkan Kabinet minggu lepas supaya ia selaras dengan konsep 1Malaysia.



ABDULLAH Ahmad Badawi berkata sesuatu kepada para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang IKIM 2008 sambil diperhatikan Ketua Pengarah IKIM, Datuk Nik Mustapha Nik Hassan (kiri) di Kuala Lumpur, semalam.